



ANATH (tiga kiri) bersama peserta bengkel Analytical Hierarchy Process anjuran FKAL.

FKAL anjur bengkel *Analytical Hierarchy Process*

UB 19.12.2017 A5

LABUAN: Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menganjurkan bengkel Making Better Decisions Using Analytical Hierarchy Process (AHP) bertempat di Investment Lab, Tingkat 7, Bangunan Menara UMSKAL.

Bengkel yang berlangsung selama dua hari itu telah disertai oleh beberapa pelajar prasiswazah UMSKAL termasuk seorang pensyarah dan guru lepasan PhD.

Pengendali bengkel, Dr Anath Rau Krishnan yang merupakan pensyarah kanan

FKAL berkata bengkel itu bertujuan mendedahkan para peserta tentang kelebihan AHP sebagai sebuah teknik kuantitatif yang mampu menyelesaikan pelbagai masalah pembuatan keputusan secara sistematik.

Beliau berharap para peserta akan mempertimbangkan pengaplikasian teknik itu dalam bidang penyelidikan atau kerjaya mereka kelak.

Anath turut berterima kasih kepada Dekan FKAL Dr Zaiton Osman dan bekas Dekan FKAL Professor Madya Dr Hanudin Amin serta para kakitangan fakulti dan kampus yang telah memberikan sokongan dan

kerjasama yang penuh dalam menjayakan program itu.

“Sepanjang bengkel berlangsung, peserta mengikuti pelbagai aktiviti seperti sesi pengajaran dan perbincangan, tugasan individu, kuiz dalam talian dan penggunaan perisian AHP yang dikenali sebagai Expert Choice.

“Setiap peserta bengkel telah menerima sijil penyertaan berserta bahan bengkel yang berkaitan,” katanya.

Beliau menambah, FKAL merancang untuk melaksanakan lebih banyak kursus atau bengkel pendek seumpama itu pada masa yang akan datang.